

28 SEP 2001

Marina-Biasiswa/I

MAF BIAYAI 19 RAKYAT M'SIA SERTAI KONGRES A/BANGSA AIDS

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Yayasan Aids Malaysia (MAF) menghantar 19 wakil untuk menghadiri Kongres Antarabangsa Keenam mengenai Aids Asia dan Pasifik (ICAAP) yang akan berlangsung di Melbourne, Australia dari 5 hingga 10 Okt.

Pengerusi MAF Datin Paduka Marina Mahathir berkata RM55,000 diperuntukan bagi membiayai mereka untuk kongres berkenaan.

"Mereka terdiri daripada belia, penjaga pesakit, wakil pertubuhan bukan kerajaan, pekerja sukarela dan mereka yang menghidap Hiv/Aids (PLWHA)," katanya pada sidang media di sini.

Katanya kumpulan itu adalah antara 71 orang delegasi Malaysia yang terdiri daripada wakil kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan media pada kongres berkenaan.

Program biasiswa itu membolehkan mereka yang bertugas menjaga pesakit Hiv/Aids, menghadiri persidangan dan mesyuarat di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa, katanya.

"Persidangan itu akan memberi peluang bagi mewujudkan rangkaian antara negara dan masyarakat memandangkan pelbagai kumpulan dari Asia dan Pasifik akan menghadiri mesyuarat itu," katanya.

Marina berkata lebih daripada 3,000 ahli akademik, pekerja sosial, doktor, saintis, aktivis dan PLWHA dijangka hadir pada persidangan berkenaan.

Marina berkata ICAAP menawarkan program yang luas dalam bidang rawatan, pencegahan, sosio ekonomi serta jantina dan seksual.

"Wakil Malaysia juga akan bercakap pada pelbagai sesi, menjalankan bengkel kemahiran dan mempengerusikan perbincangan panel," kata Marina.

MAF adalah badan mengutip derma bagi Majlis Aids Malaysia. Objektif MAF ialah mengutip sumbangan dan mentadbir dana bagi program yang berkaitan Hiv/Aids.

-- BERNAMA

MUN AHH LAT